



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**PROGRAM SIJIL TADBIR URUS DESA 2018  
PERINGKAT ZON UTARA**

**TH HOTEL & CONVENTION CENTRE**

**ALOR SETAR, KEDAH**

**23 JANUARI 2018 (SELASA)  
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahiim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh Salam Sejahtera Dan Salam  
Negaraku Malaysia

## **SALUTASI**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua, kita sama-sama dapat menghadiri Majlis Perasmian Program Sijil Tadbir Urus Desa peringkat Zon Utara 2018. Program kali ini melibatkan kepimpinan JKKK dari negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang termasuk kepimpinan JKKK Orang Asli dari Perak. Ini adalah program pertama saya dalam tahun 2018 bersama kepimpinan akar umbi khususnya JKKK/JKKKP dan JKK Orang Asli.

2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Tajudin bin Abdullah, EXCO Pembangunan Luar Bandar Negeri Kedah yang dapat meluangkan masa bersama kita pada majlis hari ini mewakili YAB Menteri Besar Kedah. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan-rakan politik yang hadir, pegawai-pegawai kerajaan dan para Pengerusi JKKK/JKKKP dan JKK OA dari negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Perak ke program pada petang ini.

Dato'-Dato'/Tuan-Tuan/Puan-Puan dan Hadirin Sekalian,

## **MEMPERKASA JKKK/JKKKP/JKKOA: PROGRAM**

### **SIJIL TADBIR URUS DESA**

3. Program latihan Sijil Tadbir Urus Desa (STUD) adalah satu agenda nasional oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk meningkatkan kemahiran tadbir urus desa kepada kepimpinan JKKK selari dengan agenda

Transformasi Luar Bandar Kementerian. Program ini juga antara Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KKLW bermula tahun 2017 dengan matlamat memperkasa kepimpinan JKKK di peringkat akar umbi.

4. Sehingga kini, terdapat 17,419 institusi JKKK di seluruh negara termasuk JKKK Persekutuan (JKKKP) dan JKK Orang Asli (JKKOA). Dari segi liputan latihan Sijil Tadbir Urus Desa, kita mensasarkan sekurang-kurangnya dua pemimpin dari setiap institusi JKKK/P/OA untuk mengikuti program ini. Pada tahun 2017, seramai 4,127 orang kepimpinan JKKK/P/OA dari seluruh negara telah dilatih oleh INFRA dengan kerjasama UniKL. Program ini diteruskan ke tahun ini dengan sasaran seramai 5,000 orang lagi akan dilatih di bawah program yang sama.

5. Program pada hari ini adalah sambungan untuk latihan kepimpinan JKKK/P/OA peringkat Zon Utara yang masih belum habis diliputi pada tahun lepas. Sehubungan itu, saya mengucapkan tahniah kepada peserta-peserta dari Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak yang dapat menghadiri diri pada program yang bermula hari ini sehingga 25hb nanti.

Dato'-Dato'/Tuan-Tuan/Puan-Puan, Para Peserta Sekalian,

## **DIPLOMA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN DIPLOMA EKSEKUTIF PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

6. Saya sentiasa memberikan keutamaan kepada program peningkatan keupayaan pemimpin di peringkat akar umbi kerana peranan mereka sangat penting dalam sistem pentadbiran kerajaan. Mulai tahun 2018 ini, Kementerian akan memperkenalkan dua kursus baharu kepada kepimpinan JKKK sedia ada dan pemimpin pelapis desa. Dua kursus tersebut ialah Diploma Pengurusan Luar Bandar di UniKL dan Diploma Eksekutif Pembangunan Luar Bandar yang akan ditawarkan oleh Universiti College Agroscience Malaysia (UCAM). Kursus ini akan ditawarkan kepada mereka yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh UniKL dan UCAM.

7. Sungguh pun begitu, program Sijil Tadbir Urus Desa seperti yang Tuan-tuan hadir pada hari ini akan diteruskan sehinggalah semua JKKK/P/OA dapat diliputi di seluruh negara sepertimana sasaran. Saya yakin pelbagai pengetahuan dan kemahiran telah dipelajari oleh Tuan-tuan dan Puan-puan. Antaranya bagaimana merancang dan memanfaatkan sumber-sumber yang ada untuk kemajuan desa, mengurus keperluan masyarakat setempat dan yang penting ialah menyampaikan mesej Kerajaan kepada rakyat di peringkat akar umbi.

#### **PRU - 14**

8. Seperti mana Tuan-tuan sedia maklum, kita akan menghadapi PRU-14 yang mungkin berlaku dalam tempoh terdekat. Oleh yang demikian, mesej yang hendak saya sampaikan pada hari ini adalah berkisar tentang persiapan kita untuk menghadapi PRU-14. Ini kerana Tuan-tuan dan Puan-puan adalah agen Kerajaan yang sangat berkesan di peringkat akar umbi, dan sememangnya hubungan baik di antara institusi JKKK dan penduduk kampung tidak boleh dinafikan. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak semasa Perhimpunan JKKK/P/OA yang lalu mengakui bahawa Institusi JKKK adalah pengantara yang berkesan di antara rakyat di luar bandar dan Kerajaan.

9. Ini bermakna, pemimpin kita memberi kepercayaan kepada Tuan-tuan dan Puan-puan selaku agen Kerajaan yang berkesan. Oleh itu, Tuan-tuan dan Puan-puan perlulah membuktikan apa yang dilaksanakan oleh JKKK dapat membawa hasil yang berkesan kepada kampung masing-masing. Ini termasuklah menyedarkan rakyat akar umbi tentang pentingnya mengekalkan Kerajaan sedia ada yang telah terbukti membela nasib rakyat merentasi sempadan dan kaum.

Tuan-Tuan/Puan-Puan, Para Peserta Sekalian,

#### **AGENDA PEMBANGUNAN VS AGENDA PEMBANGKANG**

10. Kerajaan hari ini terbukti mampu menyediakan pembangunan yang memenuhi kehendak rakyat. Sebab itu, Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika ini akan memastikan agenda pembangunan terus

dilaksanakan walaupun pelbagai cabaran dihadapi. Sejak akhir-akhir ini antara cabaran kepada kita ialah agenda pembangkang yang dahulunya adalah rakan kita sendiri menimbulkan fitnah dan memburuk-burukkan kepimpinan Kerajaan hari ini. Justeru adalah menjadi keutamaan supaya kita perlu bersatu padu untuk menentang tohmahan golongan ini yang tidak lagi sehaluan dengan kita.

## **CABARAN POLITIK SERPIHAN**

11. Tuan-tuan dan Puan-puan perlu sedari antara cabaran politik yang kembali semula dalam arena politik tempatan ialah politik serpihan daripada kelompok kita sendiri. Mereka mempunyai pengalaman politik bersama kita suatu ketika dahulu. Sebab itu, dari segi strategi, mereka juga tahu cara berhadapan dengan parti pemerintah. Namun, usah gentar kerana dari segi sejarah, politik berasaskan kebencian dan membalas dendam tidak akan bertahan lama. Malah akan menghadapi kecelaruan sesama sendiri kerana perebutan kuasa dan saling berprasangka. Kerana pemikiran politik seperti ini telah bertukar dari bentuk yang rasional kepada bentuk yang beremosi. Sejarah telah membuktikan politik serpihan tidak mempunyai agenda pembangunan yang jelas. Oleh itu, kita perlu menyedarkan rakyat di kampung-kampung supaya menolak dakyah politik serpihan ini.

Tuan-Tuan/Puan-Puan, Para Peserta Sekalian,

## **DI MANA BUMI DI PIJAK DI SITU LANGIT DI JUNJUNG**

12. Kita semua perlu mempertahankan prinsip hubungan rakyat dengan pemerintah iaitu Di Mana Bumi Di Pijak Di Situ Langit Di Junjung. Walaupun kita tidak lagi berkuasa atau tidak lagi menjadi pemimpin namun kita perlu bersatu di bawah kepimpinan sedia ada. Masyarakat yang bermaruah ialah mentaati pemimpin dan kerajaan yang memerintah apatah lagi yang banyak memberi jasa kepada rakyat. Usaha-usaha perlu dibuat untuk memastikan rakyat desa tidak lari dari kesetiaan ini yang terbina sejak dari dahulu lagi. Jangan marahkan nyamuk kelambu di bakar menyebabkan kita kehilangan semuanya atas sebab politik kebencian terhadap Kerajaan. Berpijaklah di bumi yang nyata bahawa bangsa Melayu adalah bangsa

bermaruah yang tidak sekali-kali menyerah kalah kepada mereka yang dianggap menentang Kerajaan yang berkuasa.

## **MENANGKIS ISU-ISU PEMBANGKANG**

13. Kita perlu mengambil tahu perkembangan semasa yang berlaku terutama isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Tuan-tuan dan Puan-puan perlu berkerja keras dengan perancangan yang rapi untuk menangkis isu-isu yang tidak betul daripada pihak pembangkang. Kerana itu kita perlu bersatu padu untuk menentang tohmahan golongan ini terutama mereka yang tidak lagi sehaluan dengan kita. Antara pendekatan strategik yang boleh digunakan ialah dengan media sosial. Ini adalah trend terkini untuk kita menyampaikan fakta-fakta yang betul kepada rakyat di peringkat akar umbi. Antara yang boleh Tuan-tuan dan Puan-puan lakukan ialah:

### **(i) Menyakinkan Rakyat di Kampung**

14. Tuan-tuan selaku pemimpin yang paling dekat dengan rakyat hendaklah menggerakkan seluruh jentera di peringkat desa untuk meyakinkan rakyat bahawa kerajaan hari ini adalah kerajaan yang berwibawa yang mampu menjaga kepentingan rakyat terutama penduduk luar bandar. Rakyat perlu diberitahu Kerajaan hari ini mempunyai pengalaman dan kemahiran untuk mentadbir dan mengurus negara yang cekap.

### **(ii) Menjaga Kepentingan Rakyat**

15. Tuan-tuan dan Puan-puan juga perlu menjelaskan bagaimana Kerajaan hari ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih mengutamakan kepentingan rakyat melalui dasar-dasar yang dilaksanakan. Pelbagai skim dan insentif disediakan untuk rakyat sama ada berbentuk bantuan kewangan, kemudahan rakyat, prasarana luar bandar, perumahan, peluang perniagaan, bantuan persekolahan, inisiatif menangani kos kehidupan dan bermacam lagi yang diusahakan oleh Kerajaan.

16. Perlu diingat agar kita tidak mudah lupa. Bahawa kestabilan negara hari ini adalah kerana dipimpin oleh kepimpinan yang tidak hanya bertanggungjawab kepada bangsa Melayu dan Bumiputera tetapi juga bertimbang rasa kepada lain-lain bangsa dan keturunan di negara ini. Oleh itu, hak keistimewaan Orang Melayu dan Bumiputera seperti yang dijamin dalam Perlembagaan Negara perlu dipertahankan. Maruah kita di bumi pertiwi ini jangan sekali-kali dibiarkan dipijak oleh orang lain. Jangan kita biarkan mana-mana agenda menjatuhkan institusi kita yang akan menyebabkan kita merempat di negara sendiri. Oleh itu, kita perlu sedar cabaran politik era ini adalah era yang agak kritikal yang boleh mengancam survival bangsa.

### **(iii) Rakyat Terus Yakin Kepada Kerajaan**

17. Rakyat di bawah perlu diyakinkan bahawa jika mereka ingin mengekalkan nikmat pembangunan dan kesejahteraan hidup, maka kuasa politik yang sedia ada perlu dipertahankan. Di bawah kepimpinan sedia ada, kita tidak menzalimi sesiapa yang bukan golongan kita. Kita juga tidak menafikan hak-hak warganegara yang lain. Kita masih memerlukan kekuatan ekonomi. Perhatikanlah bagaimana keadaan ekonomi di negara ini banyak dimiliki oleh orang lain berbanding bangsa kita sendiri. Tetapi kita tidak berhasad dengki. Kita juga tidak rasis seperti yang ditohmahkan pihak lain. Dari itu, berpaksilah pemerintahan negara ini dengan kepimpinan Melayu sebagai terasnya. Perlu diingat sebanyak 69 peratus rakyat negara ini adalah golongan Melayu dan Bumiputera. Adalah wajar golongan ini sebagai pemimpin utama dan memimpin semua rumpun bangsa di negara ini.

18. Inilah hakikatnya perjuangan politik kita pada pilihanraya akan datang ini, sama-samalah kita fikirkan dengan matang dan bijaksana dalam membuat keputusan. Terserahlah kepada Tuan-tuan dan Puan-puan untuk memastikan sama ada kita berdiri megah atau rebahnya kuasa dominan Melayu dalam sejarah politik negara.

Tuan-Tuan/Puan-Puan, Para Peserta Sekalian,

### **(iii) Rakyat Tidak Berpecah Belah**

19. Tuan-tuan dan Puan-puan juga berperanan untuk mengelakkan berlakunya perpecahan di peringkat bawahan dan menolak sebarang bentuk propaganda yang ingin menjatuhkan kepimpinan sedia ada. Ketahuilah obor perjuangan tidak akan malap selagi kita mempunyai strategi yang kuat untuk mengalahkan pihak lawan.

## **PENUTUP**

20. Bukan mudah untuk mencapai kemenangan jika kita hanya berdiam diri menunggu kejayaan datang dengan bergolek. Realitinya sesuatu kejayaan akan dicapai dengan adanya usaha bersungguh-sungguh serta ikhlas. Kita perlu bekerja kuat untuk memastikan kemenangan kerana hanya pemerintahan yang berpengalaman dan bertoleransi yang mampu untuk mendepani gelombang perubahan masa hadapan. Kita sedang berhadapan dengan Gelombang Revolusi Industri Ke-4 yang menekankan penggunaan teknologi baharu dalam kehidupan manusia. Termasuk juga gelombang perubahan untuk membina masyarakat yang sejahtera yang berpegang kepada nilai dan budaya yang baik.

Tuan-Tuan/Puan-Puan, Para Peserta Sekalian,

21. Saya meletakkan keyakinan penuh kepada Tuan-tuan dan Puan-puan untuk melaksanakan tanggungjawab besar seperti yang saya sebutkan tadi. Pengalaman dan hubungan baik di antara tuan-tuan dan masyarakat di kampung sememangnya tidak dapat dinafikan khususnya bagi meneruskan momentum sokongan rakyat kepada Kerajaan yang memerintah. InshaAllah tugas dan tanggungjawab ini mampu dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

22. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi menjelaskan bahawa latihan untuk meningkatkan keupayaan institusi JKPP/P/OA akan diteruskan dari masa ke semasa. Latihan adalah penting untuk memperkasa kepimpinan JKPP pada hari ini serta melahirkan pemimpin pelapis yang berwibawa pada masa hadapan dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang terbaik serta profesional.

23. Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan ucapan berbanyak terima kasih kepada Dato' Mohd Tajudin bin Abdullah; Ahli EXCO Pembangunan Luar Bandar Negeri Kedah yang dapat hadir bagi sama-sama menjayakan majlis kita



pada hari ini. Ribuan terima kasih juga atas kehadiran semua wakil-wakil Kerajaan Negeri Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah serta Kepimpinan dan Pengurusan KKLW, Ketua-Ketua Agensi, Jabatan dan Institusi di bawah Kementerian. Terima kasih dan tahniah juga kepada Jawatankuasa Penganjur khususnya INFRA, UniKL serta agensi-agensi di atas komitmen yang tinggi melaksanakan program Sijil Tadbir Urus Desa kali ini. Kepada para peserta saya mengucapkan tahniah kepada Tuan-tuan dan Puan-puan yang dapat mengikuti kursus dengan jayanya. Mudah-mudahan usaha ini diberkati dan diredhai oleh Allah SWT.

Dengan lafaz yang mulia BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM saya merasmikan program Sijil Tadbir Urus Desa pada peringkat Zon Utara ini bagi tahun 2018.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.